
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK: SATU ANALISIS FIQH

GUIDELINES OF TIKTOK APPLICATION: A FIQH ANALYSIS

Mohd Fakurazi Ghazali, Muhammad Farid Adnan

ABSTRAK

TikTok merupakan salah satu aplikasi media sosial yang sangat popular terutama dalam kalangan remaja. Mereka menggemarinya kerana boleh menonton video-video pendek berunsur humor untuk melegakan tekanan perasaan, apatah dan aplikasi ini mesra pengguna. Walaubagaimanapun, persepsi negatif masyarakat di Malaysia yang beranggapan bahawa aplikasi ini membawa banyak kesan buruk, telah menghalang mereka untuk melihat aplikasi ini daripada sudut positif. Kajian ini bertujuan memberikan garis panduan daripada sudut syarak tentang bagaimana untuk menggunakan dengan betul. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pengumpulan data melalui kajian perpustakaan. Data dikumpul dan dianalisis daripada artikel, jurnal, kitab-kitab fiqh yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini mendapati bahawa banyak sudut positif yang boleh daripada aplikasi TikTok ini dengan syarat ia tidak melanggar hukum syarak seperti membuat video tarian yang mendedahkan aurat, menghina fizikal seseorang dan sebagainya. Selain itu, beberapa garis panduan perlu dipatuhi oleh penyedia kandungan video TikTok serta pengguna media sosial bagi memastikan penggunaannya tidak bercanggah dengan syariat Islam. Kajian ini diharapkan dapat membuka kepada perbincangan yang lebih teliti dalam kalangan ahli akademik terutama sarjana Islam berkenaan isu syarak yang wujud dalam aplikasi TikTok seterusnya (memberikan) kefahaman dan membetulkan persepsi yang salah masyarakat.

Kata kunci: *TikTok, media sosial, kualitatif, hukum syarak*

Abstract

Tiktok is one of the most popular social media applications, especially among the youngsters. The younger generation favours Tiktok because it serves as platform where they can watch short videos with humorous content as a way to release stresses; moreover, this application is user-friendly. However, the negative stigma among Malaysian society who perceive this application as bad influence, has hinder them from seeing it from a positive perspective. Thus, this study will provide guidelines from the Sharia point of view on how to use this application accordingly. This study applies the qualitative methodology with data collection through library research. Data is gathered form articles, journals, jurisprudence (fiqh) volumes related to this study. This study will reveal the many positive aspects of this application which benefits all, as long as it does not violate the Sharia, such as dances exposing the aurat, physically insulting another person, and the like. Tiktok content makers as well social media users should abide to certain regulations so as not to contradict the Sharia of Islam. This study hopes to extend more thorough and comprehensive discussions among academicians, especially Muslim scholars, on the Sharia issues concerning the usage of Tiktok, and to give better understanding to the society as well as correct the wrong perception on Tiktok.

Key words: *Tiktok, social media, qualitative, Sharia*

Pendahuluan

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang perlu bersosial, bahkan Allah SWT sangat menggalakkan manusia untuk saling mengenali antara satu sama lain. Allah SWT telah berfirman: “*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).*”¹

Abad 21 telah menyaksikan perkembangan bidang teknologi maklumat yang sangat pesat. Antara bidang yang dipengaruhi oleh teknologi maklumat ini ialah media sosial. Media sosial telah menjadi medan komunikasi alternatif kepada komunikasi secara fizikal. Menurut Kaplan dan Haenlin (2010), media sosial ialah sekumpulan aplikasi berasaskan Internet dan teknologi Web 2.0 dan membolehkan penciptaan dan pertukaran Kandungan Berjanakan Pengguna. Menurut Trisha Dowerah (2012), media sosial merujuk kepada penggunaan tapak Web dan teknologi mobil untuk mengubah komunikasi kepada dialog interaktif.

¹ Surah Al-Hujurat: 13.

Media sosial hari ini mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pembentukan kehidupan masyarakat (Izhar Arif, 2018). Ia juga tidak memberikan satu garis panduan moral yang standard untuk diikuti. Oleh itu media sosial boleh digunakan bukan sahaja untuk kebaikan malah untuk keburukan.

Islam dan TikTok

Islam tidak menghalang sebarang teknologi yang dihasilkan oleh manusia, bahkan Islam sangat menggalakkan kemajuan teknologi untuk memudahkan urusan. Walaubagaimanapun, Islam meletakkan had tentang bagaimana kita menggunakan teknologi. Hal ini demikian kerana mengelakkan manusia tersasar jauh daripada landasan agama.

Salah satu kaedah fiqh menyebut bahawa “Asal sesuatu itu harus sehingga wujud dalil yang mengharamkannya”. Walaupun para *usuliyun* berbeza pendapat dalam menentukan hukum asal yang tidak mempunyai dalil jelas tentang halal haramnya, akan tetapi pendapat yang *rajih* memilih kaedah ini sebagai kaedah yang tepat dalam menentukan sesuatu hukum yang tidak mempunyai dalil yang jelas. Pendapat ini bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Katakanlah (wahai Muhammad) “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?” Katakanlah “Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat.” Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.”²*

Ia juga dikuatkan dengan hadis Rasulullah (SAW): “*Apa sahaja yang dihalalkan oleh Allah SWT di dalam kitab-Nya, maka ianya adalah halal dan apa sahaja yang diharamkan-Nya, maka ianya pula adalah haram. Dan apa sahaja yang didiamkan-Nya, maka ianya itu dimaafkan. Dan terimalah kemaafannya itu daripada Allah SWT, kerana sesungguhnya Allah SWT tidak lupa barang sedikitpun. Kemudian Rasulullah SAW membaca daripada firman Allah SWT: Dan tiadalah Tuhanmu itu akan lupa*”³

Populariti TikTok

TikTok merupakan satu aplikasi media sosial yang sangat popular masa kini. Ia merupakan satu aplikasi membuat video pendek di mana pengguna boleh membuat video berdurasi 15 saat dan berkongsi dengan seluruh pengguna lain di dunia. Aplikasi ini telah diwujudkan pada tahun 2016 dan telah mencecah

². Surah Al-A'raf: 32. Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih.

³. Riwayat Al-Hakim dalam al- Mustadrak (2/406).

689 juta pengguna pada tahun 2020.⁴

TikTok menjadi popular dengan beberapa sebab. Antaranya ia mudah untuk digunakan. Memuat naik video ke dalam TikTok lebih mudah daripada aplikasi Instagram dan Snapchat. Aplikasi ini mempunyai kumpulan sasaran generasi muda yang kebanyakan masa dihabiskan dengan telefon pintar mereka, ditambah pula dengan video-video jenaka yang sangat menarik perhatian golongan ini⁵

Sorotan Kajian

Hukum menggunakan aplikasi media sosial seperti TikTok untuk kebaikan dan mengambil manfaat daripada kandungan video yang dihasilkan adalah harus. Hal ini bertepatan dengan kajian (Irsyad Fatwa, 2020) yang mengatakan: “Pada dasarnya sebarang aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, WhatsApp, Instagram mahupun TikTok yang digunakan untuk perkara yang manfaat adalah dibolehkan.”⁶

Selain itu, media sosial telah menjadi salah satu komponen dalam kehidupan manusia, dan tidak boleh dibuang begitu sahaja. Antara kelebihan yang ada pada sosial media ialah ia merupakan antara sumber pendapatan masyarakat.

Bidang Pendidikan juga merupakan salah satu bidang yang boleh memanfaatkan TikTok sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Para guru boleh menggunakan TikTok sebagai alat untuk memanifestasikan idea atau memberikan contoh dalam sesuatu isu.⁷ Satu kajian daripada *Universal Journal of Education Research* dibuat untuk mengkaji penggunaan TikTok bagi meningkatkan kompetensi dalam ujian lisan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sarjana muda yang bahasa Inggeris bukan merupakan bahasa ibunda, mereka mendapati penggunaan TikTok telah meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar terutama generasi Z⁸

Vicky Rian Saputra, Chantiq Hast Dhuatu, Guyato M.Pd. (2020) telah menjalankan satu kajian terhadap sekumpulan mahasiswa yang menggunakan aplikasi TikTok. Kajian menunjukkan bahawa aplikasi TikTok memiliki kelebihan untuk menaikkan ‘mood’ penggunanya dengan efek yang unik serta banyaknya pilihan musik. Ini merupakan antara faktor yang membuatkan pengguna TikTok memiliki banyak ruang dalam membuat video kreatif.

⁴ <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>.

⁵ <https://www.forbes.com/sites/tomtaulli/2020/01/31/tiktok-why-the-enormous-success/?sh=367670f665d1>.

⁶ <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4380-irsyad-al-fatwa-siri-ke-472-hukum-bermain-tiktok>.

⁷ Badriya Abdul Jaffar, Sadia Riaz, Arif Mushtaq. Living in a Moment: Impact of Tiktok on Influencing Younger Generation into Micro-Flame, (*Journal of Content, Community & Communication*, 2019), 188.

⁸ Zhai Xiwen, Abu Bakar Razali, An Overview of the Utilization of TikTok to Improve Oral English Communication Competence among EFL Undergraduate Students, (*Universal Journal of Educational Research* 9, 2021), 1441.

Oleh karena itu TikTok dapat menjadi aplikasi yang dapat menjadi ‘mood booster’ penggunanya.⁹

Selain daripada kajian yang menunjukkan kelebihan dan kebaikan TikTok kepada masyarakat terdapat juga beberapa kajian yang menunjukkan kesan buruk dan bahaya pengguna TikTok yang tidak terkawal kepada masyarakat, terutama kepada golongan anak muda.

Antaranya kajian yang dibuat oleh Riza Adrian Soedardi (2020)¹⁰ berkenaan dengan trend pengguna TikTok daripada kalangan wanita yang berhijab menggayaikan aksi yang menghairahkan serta menjatuhkan maruah seorang muslimah, telah menjadi perbahasan dalam kalangan cendekiawan Islam. Menurut beliau: “Banyak cen dekiawan muslim yang menganggap bahawa menari diperbolehkan dalam empat syarat, iaitu tanpa arak, tidak ada campuran jantina, tidak ada gerakan menghairahkan, dan tidak boleh berlebih-lebihan.” Justeru, tarian wanita muslim ditayangkan TikTok tersebut telah melanggar salah satu daripada syarat ini sam ada dia menari bersama-sama dengan lelaki ataupun melakukan tarian yang menghairahkan serta berlebih-lebihan. Bagi memastikan penggunaan aplikasi TikTok menepati tuntutan syarak, maka garis panduan umum yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu dipatuhi oleh setiap pengguna dan penyedia kandungan video di aplikasi TikTok.(Halipah Hamzah, 2020)¹¹

Pernyataan Masalah

Menurut mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam artikel yang bertajuk “Hukum bermain Tik Tok, beliau meletakkan kesimpulan bahawa, “aplikasi tiktok adalah lebih baik ditinggalkan dengan mengambil konsep *saddu zara’ie*”. Walaubagaimanapun, artikel itu hanyalah membahaskan Tik Tok dari segi *lip-sync* dan tarian sahaja. Jika kita melihat dengan lebih mendalam aplikasi ini ia boleh juga digunakan untuk tujuan yang baik seperti mempromosikan perniagaan bahkan untuk pendidikan. Disokong oleh kenyataan fatwa Darul Ifta’ Misriyah yang mengatakan bahawa “tidak ada larangan untuk menggunakan Tik Tok selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam”. Oleh itu artikel ini akan membincangkan dengan lebih terperinci daripada sudut cara penggunaannya yang betul mengikut hukum syarak.

Objektif Kajian

Kajian ini akan mengenal pasti aplikasi Tik Tok dari segi kebaikan dan keburukan. Kajian ini juga akan mengenal pasti dan menghuraikan garis panduan yang sesuai penggunaanya mengikut hukum syarak.

⁹. Vicky Rian Saputra, Chantiq Hast Dhuatu, Giyato,M.Pd.(2020), Pemanfaatan Aplikasi Tiktok Sebagai Mood Booster.

¹⁰ <http://ejournal.iainsurakarta.ac.id/index.php/shahih/article/view/2807>.

¹¹ <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/41225/>.

Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian, persoalan kajian yang akan dikaji ialah seperti berikut:

- i. Apakah kesan-kesan baik dan buruk daripada penggunaan aplikasi Tik Tok?
- ii. Bagaimanakah Islam memberikan garis panduan yang sesuai dalam mengendalikan aplikasi Tik Tok ini?

Tik Tok merupakan satu aplikasi media sosial seperti aplikasi lain yang mempunyai kebaikan dan keburukan. Islam sebagai agama yang mencakupi segala aspek kehidupan sentiasa menyediakan garis panduan untuk umatnya bertindak melakukan sesuatu perkara. al-Quran dan sunnah adalah sumber utama dalam perundangan Islam, di samping *mujtahid* yang mengistinbat hukum daripada sumber-sumber tersebut. Apakah kebaikan dan keburukan tikTok? Dan bagaimanakah Islam memberikan garis panduan yang sesuai dalam mengendalikan aplikasi ini?

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data akan menggunakan kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Penulis akan menganalisis beberapa artikel dan jurnal yang membincangkan kesan-kesan positif dan negatif penggunaan TikTok dan memberikan garis panduan penggunaan TikTok yang betul bersandarkan kepada hukum syarak yang diambil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Fatwa-fatwa sedunia juga akan diambil untuk menguatkan kajian ini.

Garis Panduan Penggunaan Aplikasi Tik Tok

1. Memilih kandungan yang bermanfaat

Perkembangan teknologi yang sangat pesat di era globalisasi ini telah memberikan banyak manfaat dalam kemajuan aspek sosial. Salah satunya berkomunikasi menjadi lebih mudah dan cepat. TikTok merupakan satu aplikasi yang menayangkan video-video pendek, disertai muzik dan pelbagai kesan khas.

Pengguna TikTok yang kebanyakannya terdiri daripada remaja perlu memilih kandungan yang bermanfaat seperti video pendidikan, tips-tips dan nasihat. Manakala, video yang menjurus kepada perilaku *narsisme* perlulah dielakkan.

Menurut Purnamasari & Agustin (2018), narsisme merupakan bentuk aktualisasi diri seseorang yang mencintai dirinya sendiri secara berlebihan. Narsisme juga dapat dilihat sebagai keinginan individu menunjukkan bahawa dirinya merupakan orang yang sempurna, pandai dan penting dibandingkan

dengan orang lain agar dia dapat memperoleh perhatian dan pemujaan atas dirinya¹².

Perilaku narsisme di TikTok dapat dilihat melalui tayangan video-video pendek yang menunjukkan pelbagai gaya dan perlakuan yang menjadi ikutan penonton dan pengguna TikTok yang lain. Contohnya pelbagai gerak tarian yang lincah dan mengujakan dengan berpakaian yang boleh menimbulkan ghairah.

Daripada sudut hukum Islam, tarian seorang perempuan Islam adalah haram bagi tontonan lelaki bukan mahram. Ini jelas ditegaskan di dalam al-Quran, Allah SWT. berfirman yang bermaksud: “*Dan jangan kamu berjalan di muka bumi dengan sombang, kerana sungguh kamu tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.*”¹³

Islam memerintahkan supaya menundukkan pandangan dan tidak melihat perkara-perkara yang haram. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Katakanlah kepada laki-laki yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya. Yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka lakukan.*”¹⁴ Ibnu Kathir ketika mentafsirkan ayat ini berkata: “Ini adalah perintah dari Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang beriman untuk menjaga (menahan) pandangan mereka yang diharamkan ke atas mereka.

Maka janganlah memandang kecuali memandang hal-hal yang diperbolehkan untuk dipandang. Dan tahanlah pandanganmu dari hal-hal yang diharamkan.¹⁵ Pandangan merupakan satu jalan menuju kepada perzinaan yang merupakan dosa besar dalam Islam. Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak Adam ada bahagiannya daripada zina, kedua-dua mata berzina dan zina keduanya adalah melihat (kepada sesuatu yang haram). Kedua-dua tangan berzina dan zina keduanya adalah memegang (kepada sesuatu yang haram atau menggunakan secara salah). Kedua-dua kaki berzina dan zina keduanya adalah berjalan (ke tempat yang haram). Mulut berzina dan zinanya adalah mengucup (sesuatu yang haram). Hati menginginkan sesuatu dan kemaluan akan membenarkannya (iaitu dengan melakukan zina) atau mendustakannya (dengan tidak melakukannya)”¹⁶

Usaha memperbanyakkan kandungan yang baik dan bermanfaat di media Tik Tok perlu melibatkan institusi pengajian, organisasi kerajaan dan tokoh-tokoh masyarakat. Hal ini bagi memberikan lebih banyak pilihan kepada pengguna untuk menonton kandungan video yang bermanfaat.

¹² Devri Aprilian, Yessy Elita, Vira Afriyati (2019), Hubungan antara Penggunaan Aplikasi Tiktok dengan Perilaku Narsisme pada Siswa Sekolah Menengah Pertama.

¹³ Surah Al-Isra': 37.

¹⁴ Surah Al-Nur: 30.

¹⁵ Tafsir Ibnu Kathir, jilid 6, m/s 41.

¹⁶ Riwayat Muslim dan Baihaqi.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “*Dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya*”¹⁷.

Berdasarkan ayat Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW agar menyampaikan segala isi kandungan al-Quran kepada umat baginda SAW agar mereka mendapat petunjuk dan hidayah daripada-Nya.

Aplikasi TikTok boleh menjadi satu medium pendidikan khususnya di peringkat remaja, kerana aplikasi ini merupakan aplikasi paling cepat berkembang dengan lebih satu bilion pengguna di seluruh dunia¹⁸

Sebagai contoh, seorang pengguna TikTok dikenali sebagai Cik Syifaa (@ticerfaa) yang menggunakan TikTok untuk mengajar subjek bahasa Inggeris. Beliau mempunyai 62,700 pengikut dan lebih dari 351,900 tanda suka. Video yang dihasilkannya sangat ringkas dan padat tetapi mempunyai maklumat yang lengkap dan amat mudah difahami¹⁹

Pendidik, pendakwah juga perlu mengambil kesempatan daripada ledakan teknologi maklumat ini untuk berdakwah dan menyampaikan mesej Islam kepada golongan remaja ini. Contohnya Pencetus Ummah Azman (lebih dikenali sebagai Cik Man) mempunyai lebih 70,000 pengikut dan 118,400 tanda suka. Beliau telah menghasilkan video-video ringkas berkenaan dengan bahasa Arab dan persoalan hukum-hakam.

Menurut Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd. Helmi Abd. Rahim (2013), faktor penerimaan media sosial dalam kalangan pelajar universiti-memilih media sosial untuk bersosial dibandingkan faktor kemanfaatannya dalam menunjang produktiviti dan prestasi kuliah²⁰

Data ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial khususnya aplikasi TikTok perlu dikawal dan diberi panduan secara berterusan mengelakkan pengguna terlibat dengan budaya hedonisme yang jelas bercanggah dengan Islam.

Hal ini demikian kerana aplikasi Tiktok membentarkan penggunaan muzik dan pelbagai kesan khas (special effects) yang menarik dalam rakaman videonya sehingga mampu meraih bilangan penonton yang ramai. Justeru, berjaya mempengaruhi “mood” penggunanya dengan menghilangkan *stress* serta mengisi masa di tengah kesibukan²¹

^{17.} Surah Al-Nahl: 44.

^{18.} <https://www.utusan.com.my/renanca/2020/10/tiktok-sebagai-medium-pendidikan/>.

^{19.} Ibid.

^{20.} Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim (2013), Penerimaan Media Sosial: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti di Palembang.

^{21.} Vicky Rian Saputra, Chantiq Hast Dhuatu, Guyato,M.Pd.(2020), Pemanfaatan Aplikasi Tiktok Sebagai Mood Booster.

2. Membataskan masa penggunaan

Menurut Jamiah Manap (2016), secara purata remaja generasi Z yang dikaji menggunakan media sosial selama 11.6 jam sehari. Data ini belum ditambah dengan penggunaan Internet bagi tujuan lain, seperti pencarian maklumat dan bermain *game* secara dalam talian. Penggunaan media sosial mencapai tahap yang kritis apabila sebilangan remaja akhir memperakui bahawa mereka menggunakan Internet selama 24 jam²²

Berdasarkan data di atas, para ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab bagi memantau penggunaan aplikasi media sosial seperti TikTok agar anak-anak mereka tidak mengalami ketagihan menggunakan aplikasi ini. Selain video-video yang melalaikan, pengguna TikTok juga terdedah kepada buli siber yang berleluasa di media sosial. Hal ini amat memberi kesan kepada mental anak-anak.

Jika dilihat kepada kemudarat akibat daripada penggunaan aplikasi ini, maka pengguna wajib berhenti menggunakanannya. Ini berdasarkan kepada satu kaedah fiqh yang menyatakan bahawa setiap bahaya mesti dihapuskan. Kaedah ini berdasarkan hadis yang masyhur: “Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalaus kemudarat”²³

Berdasarkan kaedah fiqh ini, para ulama sepakat bahawa sebarang kemudarat yang berlaku wajib dihapuskan. Bahkan, perkara yang menimbulkan bahaya itu juga wajib dihapuskan sama sekali. Dalam konteks aplikasi TikTok, tidak semua remaja menghadapi kemudarat daripada aplikasi ini. Segelintir mereka yang terkesan dengan perbuatan buli siber, kecurian data peribadi yang terdedah kepada kemudarat ini wajib ‘menghapuskannya’ dengan membuang aplikasi ini daripada gajet mereka.

Ibu bapa perlu membataskan masa penggunaan gajet tahap mengikut umur anak-anak mereka. Garis panduan yang telah ditetapkan oleh American Academy of Pediatrics (AAP), penggunaan gajet bagi kanak-kanak umur bawah 6 tahun adalah kurang daripada 2 jam sehari²⁴ Manakala, bagi kanak-kanak berusia 6 tahun dan ke atas, mereka juga tidak sewajarnya diberikan masa yang lebih lama menggunakan gajet. Sebaliknya, mereka perlu meluangkan lebih banyak masa untuk mempelajari perkara-perkara baharu seperti sukan di peringkat sekolah, kemahiran bahasa asing dan perkara-perkara lain.

Masa merupakan perkara yang perlu dijaga; jelas seperti firman Allah SWT, yang bermaksud: *“Demi masa, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka*

²² Jamiah H. Manap, Mohammad Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin (2016), Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z.

²³ Riwayat Imam Malik, Ibnu Majah dan Imam Ahmad.

²⁴ <https://pediatrics.aappublications.org/content/132/5/958>.

pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. ²⁵

Menerusi ayat ini, Allah SWT menerangkan bahawa manusia berada dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta menasihati orang lain agar mentaati kebenaran dan kekal teguh di atas kebenaran tersebut.

Antara faktor berlakunya ketagihan menggunakan media sosial dalam kalangan remaja adalah penggunaan gajet secara meluas. Remaja lebih gemar menggunakan media sosial kerana memudahkan aktiviti mereka. Saiz storan yang besar atau kapasiti sesebuah gajet juga memainkan peranan saiz storan yang besar membolehkan mereka memuat turun lebih banyak aplikasi dan juga video yang terdapat di media sosial, dan berkongsi di aplikasi lain ²⁶ meningkatkan tahap kepuasan mereka menonton lebih banyak video dan menghasilkan video mereka sendiri.

3. Menggalakkan perkongsian yang bermanfaat

Renaja sebagai pengguna tegar TikTok, harus diberi galakan untuk menghasilkan dan berkongsi video-video yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Usaha ini memerlukan kepada sistem sokongan yang membantu mereka daripada segi khidmat nasihat, kemudahan editing video dan peralatan rakaman yang sesuai.

Perkara ini bertepatan dengan sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Sebaik-baik manusia di antaramu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain” ²⁷

Perkataan manfaat di dalam hadis ini tidak hanya merujuk kepada harta, barang atau pertolongan sahaja. Bahkan, ia meliputi segala bentuk kebajikan yang memberi manfaat kepada orang lain seperti penyebaran ilmu duniaawi dan ukhrawi serta memberi teguran kepada orang-orang yang lalai.

Menurut Islam, orang yang memberi manfaat kepada orang lain lebih utama dan lebih mulia di sisi Allah berbanding orang yang hanya memberi manfaat kepada diri sendiri. Bahkan Nabi SAW membandingkan perbuatan ini dengan *iktikaf* di masjid Nabawi.

Nabi SAW bersabda: “Seandainya aku berjalan bersama saudaraku untuk memenuhi suatu keperluan, maka hal itu lebih aku cintai daripada iktikaf sebulan di masjid ini iaitu masjid Nabawi.”²⁸ Tambahan pula sebarang ilmu yang bermanfaat yang kita kongsikan akan menjadi pahala yang tidak berhenti mengalir apabila kita mati. Sepertimana sabda Nabi SAW: “Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga

²⁵. Surah Al-Asr: 1-3.

²⁶. Filyntiana Tenge Andrew, Zurinah Tahir, Jalaluddin Abdul Malek & Ahmad Rizal Mohd Yusof (2020), Ketagihan Pengguna Media Sosial Terhadap Gaya Hidup Belia.

²⁷. Riwayat Bukhari dan Muslim.

²⁸. Riwayat Tabrani dalam Al-Mu’jam Al-Kabir no.13280.

perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh mendoakan untuknya ”²⁹

Dalam usaha ini, proses rakaman video pelajar boleh dijadikan sebagai salah satu tugas berkumpulan di dalam kelas. Secara tidak langsung, ini dapat menggalakkan pembelajaran secara kendiri serta membina komuniti pelajar di media sosial. Usaha yang bersepada seperti ini pasti akan membawa hasil dalam memperbanyak lagi kandungan video yang bermanfaat di aplikasi TikTok.

Menurut Bradian Muliadi, 60 peratus pengguna TikTok adalah generasi Z ³⁰ Generasi Z merujuk kepada mereka yang lahir antara tahun 1998 hingga 2009 ³¹ Setakat ini, aplikasi Tik Tok telah dimuat turun oleh 2 bilion pengguna di seluruh dunia ³²

Ini jelas menunjukkan bahawa TikTok bakal menjadi aplikasi media sosial paling popular pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana pengguna aplikasi ini terdiri daripada golongan paling muda dan paling awal terdedah kepada kemajuan Internet dan teknologi. Justeru, ibu bapa dan pendidik perlu memberikan bimbingan berterusan kepada remaja ini agar menggunakan aplikasi TikTok ke arah yang lebih bermanfaat.

Usaha membentuk generasi yang mempunyai kesedaran menyediakan kandungan yang berkualiti serta bermanfaat adalah lebih baik daripada menghalang mereka menggunakan aplikasi ini kerana terdapat pelbagai cara untuk menonton video TikTok. Remaja yang tidak mempunyai akaun TikTok mereka masih boleh menonton video-video viral TikTok di Youtube, Instagram atau Facebook.

Aplikasi TikTok ini juga boleh menjadi platform bagi para remaja membina *branding* mereka pada usia muda. Melalui video kreatif yang dihasilkan remaja ini dapat mengetengahkan jenama produk mereka sendiri seperti pakaian, makanan dan sebagainya. Kemahiran memasarkan produk di media sosial pasti memberikan kelebihan kepada mereka . Selain itu, pengguna TikTok juga mendapat pendapatan daripada iklan-iklan yang muncul dalam video mereka .

Sebaliknya pula, pengguna media sosial sering dikaitkan dengan situasi negatif, seperti mempunyai masalah penglihatan disebabkan penggunaan gajet yang terlalu lama. Dalam hal ini, Pengguna TikTok boleh mempromosikan gaya hidup sihat dengan memberi tips penjagaan kesihatan serta pelindungan mata.

Akhir sekali, selain menjadi ruang untuk para remaja berkongsi kreativiti, menerusi TikTok mereka juga dapat mengetengahkan bakat masing-

²⁹ Riwayat Muslim, Al-Nasa’I, Al-Tirmizi dan Abu Daud.

³⁰ <https://www.forbes.com/sites/tomtaulli/2020/01/31/tiktok-why-the-enormous-success/?sh=3245fbec65d>.

³¹ Siti Mahani binti Muhamzir, Nazlinda binti Ismail, Generasi Z: Tenaga Kerja Baru dan Cabarannya.

³² <https://www.forbes.com/sites/tomtaulli/2020/01/31/tiktok-why-the-enormous-success/?sh=3245fbec65d1>.

masing di samping membangunkan potensi diri mereka yang lebih dominan berbanding potensi diri yang sedia ada. Contohnya, seorang yang suka memasak atau berlakon boleh menunjukkan bakat mereka di video masing-masing.

4. Tidak menyebarkan berita atau perkara yang tiada kepastian

Ini melibatkan nilai integriti pada setiap pengguna TikTok. Menurut Abu Yazid Abu Bakar (2016) integriti boleh didefinisikan sebagai kualiti kejujuran dan ketinggian prinsip-prinsip moral yang dipegang oleh seseorang individu. Integriti turut ditakrifkan sebagai tahap konsistensi antara nilai moral yang dipegang seseorang individu dengan cerminan tingkah laku (perkataan atau perbuatan) yang ditunjukkannya³³

Dalam erti kata lain, seorang pengguna TikTok yang mempunyai kebebasan bersuara dan mampu menulis dan berkongsi apa sahaja di media sosial sam ada berkata benar atau bercakap bohong, namun dia memilih hanya berkata benar sahaja- inilah nilai integriti yang harus ada pada diri seseorang. Mereka berusaha walaupun tanpa sebarang pemantauan, mematuhi etika dan nilai-nilai murni yang digariskan dalam Islam ketika menggunakan media sosial.

Jika dilihat kepada panduan wahyu, Islam melarang penganutnya terlibat dengan penyebaran fitnah dan berita-berita palsu yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman masyarakat. Allah SWT yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan*”³⁴

Dalam ayat ini, Allah SWT memerintahkan umat Islam agar menyelidiki kebenaran sesuatu berita sebelum ia disebarluaskan kepada orang lain agar tidak menjadi sebab kerosakan dalam masyarakat. Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan, Allah SWT menyeru kepada umatnya yang beriman, apabila datang orang fasik menyampaikan berita, sebaiknya dicari kebenaran berkenaan dengan berita itu dan janganlah terlalu cepat menghukumnya dan menyebarinya. Ini kerana takut akan keburukan dan perkara yang tidak diingini berlaku di atas keputusan yang salah serta memberi kemudaratkan ke atas orang lain.³⁵ Jelas, agama mengharamkan kita menyebarkan berita palsu kerana kesan buruknya yang sangat besar kepada masyarakat.

Sebaliknya, Islam mengajar kita agar menyebarkan berita-berita yang benar yang disertakan dengan bukti dan fakta yang jelas, serta perkara-perkara

³³. <https://www.kemas.gov.my/integriti-dalam-kehidupan/>.

³⁴. Surah Al-Hujurat; 6.

³⁵. Tafsir Al-Munir, jilid 13, m/s 557.

yang bermanfaat agar masyarakat mengambil iktibar atau mencontohnya. Justeru, pengguna TikTok boleh dikategorikan sebagai pendakwah kecil Islam yang perlu memikul tanggungjawab yang berat bagi memastikan berita yang disebarluaskan adalah benar dan sahih.

Jika terdapat peranggahan tentang kebenaran sesuatu berita, maka perlulah dilihat pada kesan penyebaran berita tersebut. Jika, berita itu hanya sekadar peringatan dan panduan, maka bolehlah disebarluaskan dengan keyakinan bahawa ia itu benar dan boleh dipercayai. Jika sekiranya berita tersebut boleh mendatangkan kesan yang besar kepada masyarakat dan negara, maka lebih baik berita tersebut dikeluarkan oleh pihak berkuasa atau sehingga ia itu dipastikan benar dan sahih.

Sebagai contoh, pada 22 Mei 2020, tersebar berita palsu bahawa Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah telah menarik balik kebenaran berhari raya dan tradisi ziarah ahli keluarga terdekat pada hari raya pertama Aidilfitri kerana ramai telah curi-curi merentas negeri untuk pulang ke kampung³⁶

Berita ini dinafikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengatakan bahawa kenyataan tersebut bukan daripada Ketua Pengarah Kesihatan dan menasihati orang ramai supaya berhenti menyebarkan berita berkenaan bagi mengelakkan kekeliruan.

Berita ini boleh memberikan impak yang besar kepada masyarakat dan negara khususnya bagi mereka yang merantau ke luar negeri atau negara dan bercadang untuk pulang berhari raya pada tahun tersebut bersama keluarga tersayang. Penyebaran berita ini boleh mencetuskan suasana panik dalam kalangan masyarakat. Sewajarnya, berita seperti ini hanya disebarluaskan oleh pihak berautoriti sahaja dan bukan oleh orang ramai.

Gambar rajah : **Garis panduan hiburan yang dibenarkan menurut Islam**



³⁶ https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1844193.

Garis panduan hiburan yang dibenarkan menurut Islam

Islam meraikan naluri fitrah manusia yang cenderung kepada hiburan dan tidak menghalang selagi tidak melampaui batas. Berikut ialah beberapa garis panduan berkaitan berhibur:

1. Hiburan tersebut hendaklah bermatlamatkan kebaikan dan kesejahteraan ³⁷ Hiburan yang merosakkan jiwa dan akal manusia adalah bertentangan dengan syarak seperti muzik yang berkonsepkan *heavy metal*. Selain itu, hiburan seperti ini juga mengandungi perkara-perkara yang bercanggah dengan akidah umat Islam seperti pemujaan syaitan dan kepercayaan kepada ketuhanan dan perkara ghaib yang tidak selari menurut acuan syarak ³⁸
2. Tidak melibatkan perbuatan haram dan maksiat ³⁹ Pihak bertanggungjawab menyediakan kandungan hiburan perlu berhati-hati menyediakan kandungan hiburan tersebut agar tidak mendorong penonton atau pengguna media sosial dengan perkara-perkara yang haram dan maksiat. Bahkan perbuatan ini boleh membawa kepada hukum haram kerana berdasarkan kepada kaedah *saddu zaraie'* (mencegah pintu-pintu kejahanan).
3. Tidak berlebihan dan melampaui batas. Hiburan yang berlebihan sehingga mengabaikan hak-hak Allah dan kewajipan seperti solat, mencari dan memberi nafkah serta menuntut ilmu akan memberi kesan yang buruk kepada kehidupan seorang muslim ⁴⁰
4. Hendaklah menjaga aurat serta berkelakuan sopan. Penyedia kandungan hiburan perlulah memastikan pakaian yang digunakan menutup aurat, terhindar daripada sifat *tabarruj* dan sopan serta tidak mendorong kepada sebarang eksplorasi penonton. Pergerakan tubuh badan juga perlu dijaga dan tidak boleh melakukan sebarang aksi yang memberaikan dan menjatuhkan maruah dan adab seorang muslim ⁴¹ Perkara ini bertepatan dengan salah satu daripada Maqasid Syariah iaitu menjaga maruah dengan cara mengekalkan kehormatan, kesucian dan kemuliaan seorang wanita ⁴²
5. Tidak berlaku percampuran lelaki dengan wanita yang boleh menimbulkan fitnah ⁴³ Tarian dan nyanyian secara terbuka yang melibatkan penyanyi dan penari wanita khususnya mengundang kepada fitnah masyarakat. Hal ini kerana golongan wanita adalah golongan yang perlu dilindungi sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi SAW dalam sebuah hadis: "Sesungguhnya

³⁷. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_hiburan_dalam_islam.pdf.

³⁸. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/33922/Article_10.PDF.

³⁹. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_hiburan_dalam_islam.pdf.

⁴⁰. http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/garispanduan/garispanduanhiburandanternival.pdf.

⁴¹. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_hiburan_dalam_islam.pdf.

⁴². Nuruddin Mukhtar al-Khadami, 'Ilm al-Maqasid al-Syar'iyyah, 83..

⁴³. http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/garispanduan/garispanduanhiburandanternival.pdf.

wanita diciptakan dari tulang rusuk. Dan sesungguhnya bahagian yang paling bengkok dari tulang rusuk adalah yang paling atasnya. Apabila engkau ingin meluruskannya, engkau akan mematahkannya. Dan jika engkau ingin bersenang-senang dengannya, engkau boleh bersenang-senang namun padanya ada kebengkokan⁴⁴”

Kesimpulan

Perlu diakui bahawa aplikasi TikTok banyak mempunyai kebaikan serta pelbagai sudut positif yang lain. Menghalang teknologi daripada terus berkembang dan kita tidak boleh menghalang pengguna terutama remaja dan belia untuk menggunakaninya. Apa yang dilakukan ialah menyediaan garis panduan yang sesuai mengikut hukum syarak. Ini menunjukkan bahwa Islam bukan agama yang *jumud* dan sempit, bahkan ia adalah agama yang menyeluruh dan mencakupi segala aspek kehidupan. Garis panduan ini penting terutama dalam dakwah dan pendidikan khususnya kepada golongan belia kerana mereka merupakan kumpulan pengguna terbesar. Mereka perlukan panduan agar kreativiti yang mereka salurkan melalui aplikasi TikTok tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama serta norma yang dijaga dalam masyarakat. Selain itu, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk menambah baik kajian ini. Kajian seterusnya boleh memberi fokus kepada kajian bagi mewujudkan garis panduan untuk para pendakwah tentang bagaimana kaedah yang terbaik dengan menggunakan aplikasi TikTok ini.

Rujukan

- Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Quranul ‘Azim*, Jilid 6, cetakan pertama; Darul Taibah, Riyadh, (1999).
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (2018), “*Teori al-daruriyyat dan penggunaan media sosial: satu perbincangan konsep*”; Malaysia Journal of Communication.
- Mukhtar al-Khadami, Nuruddin, *‘Ilm al-Maqāṣid al-Syar’iāh; Riyāhd*, Maktabah al-‘Ibkan, 1421H.
- Zuhaili, Wahbah, *Tafsir Al-Munir*, Jilid 13, cetakan kesepuluh; Darul Fikr, Dimashq, (2009).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2005), *Garis panduan hiburan dalam Islam*, http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_hiburan_dalam_islam.pdf
- Harussani Zakaria (2008), *Garis panduan karnival dan hiburan yang dibenarkan dalam Islam*, http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/garispanduan/garispanduanhiburandankarnival.pdf

⁴⁴ Riwayat Imam Bukhari.

- Children, Adolescents, and the Media*, American Academy of Pediatrics (2013), <https://pediatrics.aappublications.org/content/132/5/958>
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim (2013), *Penerimaan Media Sosial: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti di Palembang*, <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15016>
- Siti Mahani Muhadzir, Nazlinda Ismail (2015), *Generasi Z: Tenaga Kerja baru dan cabarannya*, https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf
- Abu Yazid Abu Bakar, *Integriti dalam kehidupan*; 27 Disember 2016, <https://www.kemas.gov.my/integriti-dalam-kehidupan/>
- Jamiah H. Manap, Mohammad Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin (2016), *Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z*, https://www.researchgate.net/publication/309668766_Penggunaan_dan_Implikasi_Media_Sosial_Terhadap_Remaja_Generasi_Z
- Devri Aprilian, Yessy Elita, Vira Afriyati (2019), *Hubungan antara Penggunaan Aplikasi Tiktok dengan Perilaku Narsisme pada Siswa Sekolah Menengah Pertama*, https://ejournal.unib.ac.id/index.php/j_consilia/article/view/8331
- Muhammad Ashraf (2019), *Konsep Sedekah Jariah Menjana Kesatuan Ummah*, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3560-bayan-linnas-siri-ke-194-konsep-sedekah-jariah-menjana-kesatuan-ummah/> 21/2/2021
- Muhammad Fathi Noordin (2019), *Tabayyun dalam penerimaan dan penyampaian berita*, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3485-bayan-linnas-siri-ke-184-tabayyun-dalam-penerimaan-dan-penyampaian-berita/> 21/2/2021
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (2019), *Hukum viral maklumat/berita*, <http://www.muftins.gov.my/v1/2019/06/13/hukum-viral-maklumat-berita/> 21/1/2021
- Tom Taulli :*TikTok: Why The Enormous Success?*; 31 Januari 2020, <https://www.forbes.com/sites/tomtaulli/2020/01/31/tiktok-why-the-enormous-success/?sh=3245fbec65d1>
- “COVID-19: Senarai berita palsu tular 12.30 tengah hari, 22 Mei – KKMM”; Bernama.com, 22.5.2020, https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1844193
- Mohd Nizam Mohamad Yatim, *TikTok sebagai medium pendidikan*, 25 Oktober 2020: <https://www.utusan.com.my/renanca/2020/10/tiktok-sebagai-medium-pendidikan/>
- Filyntiana Tenge Andrew, Zurinah Tahir, Jalaluddin Abdul Malek & Ahmad Rizal Mohd. Yusof (2020), *Ketagihan Pengguna Media Sosial Terhadap Gaya Hidup Belia*, <https://ejournal.ukm.my/ebangi/>